



SIARAN MEDIA

(UNTUK EDARAN SEGERA)

MALAYSIA SASARKAN PENGELUARAN IKAN CECAH 3 JUTA TAN METRIK MENJELANG 2020

KUALA LUMPUR, 25 JULAI 2017 – Kerajaan Malaysia menerusi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) mensasarkan pengeluaran perikanan meningkat kepada 3 juta tan metrik menjelang tahun 2020.

Menurut Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Nogeh Anak Gumbek berkata, sasaran 3 juta tan metrik pengeluaran perikanan tersebut boleh dicapai dengan strategi meningkatkan pengeluaran sektor akuakultur pada masa ini.

Nogeh berkata, statistik pengeluaran ikan di Malaysia pada tahun 2016 adalah sebanyak 2 juta tan metrik bernilai RM13.02 bilion, dan sektor akuakultur menyumbang lebih 400 ribu tan metrik dengan nilai RM2.78 bilion dari keseluruhan pengeluaran tersebut. Malaysia mempunyai potensi pengeluaran akuakultur sebanyak 25% setara dengan pengeluaran Negara China. Oleh itu, di bawah Dasar Agromakanan Negara, tidak mustahil sumbangan akuakultur boleh membantu kepada sasaran 3 juta tan metrik pengeluaran perikanan menjelang tahun 2020, ujar beliau.

Laporan dari Pertubuhan Makanan & Pertanian Dunia (FAO) menjelaskan bahawa sektor akuakultur membekalkan kira-kira 10.42 kilogram ikan makanan kepada manusia pada tahun 2015 iaitu peningkatan 0.28 kilogram dari tahun 2014 iaitu 10.14 kilogram. Namun di Malaysia, **penggunaan perkapita mencecah sehingga 58kg/orang**. Trend ini menunjukkan penggunaan ikan dan hasilan ikan amat penting dalam negara kita. Dalam masa yang sama, pengeluaran ikan dari perikanan tangkapan berada pada tahap optimum dan ini menuntut supaya pengeluaran ikan melalui sektor akuakultur amatlah diharapkan.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Persidangan ***Asia Pacific Aquaculture (APA) 2017*** di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Turut hadir, Datuk Mohd Sallehuddin Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Datuk Ismail Abu Hassan, Ketua Pengarah Perikanan serta Dr. Endhay K. Kontara dari *Asian Pacific Chapter of the World Aquaculture Society (WAS-APC)*.

Persidangan *Asia Pacific Aquaculture (APA) 2017* anjuran Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dan Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dengan kerjasama *Asian Pacific Chapter of the World Aquaculture Society (WAS-APC)*, *Malaysia Fisheries Society (MFS)* dan Universiti Putra Malaysia (UPM) dihadiri oleh 1,000 peserta dari dalam dan luar negara yang membuka peluang kepada pelaburan industri akuakultur dalam pelbagai aspek. Penganjuran ekspo dijangka akan mendedahkan usahawan tempatan kepada kemajuan teknologi terkini dan maklumat serta peluang perdagangan produk akuakultur.

Dalam majlis tersebut, Nogeh berkata pihak Kerajaan amat komited dalam membangunkan produk Malaysia yang menembusi pasaran di peringkat global. Pelbagai langkah strategik untuk bekerjasama dengan pelbagai organisasi antarabangsa dan Negara-negara lain bagi mengukuhkan jalinan perdagangan. Ini terbukti apabila produk-produk pertanian dan perikanan yang berdaya saing telah memasuki pasaran antarabangsa dengan memenuhi piawaian dan langkah-langkah keselamatan yang ditetapkan.

####

Sebarang pertanyaan, sila hubungi :

Unit Komunikasi Korporat

Jabatan Perikanan Malaysia

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani

No. Tel : 03 – 8870 4234

No. Faks : 03 – 8881 0343

Email : ukk@dof.gov.my ; pro@dof.gov.my